



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (145-156)

Pola Bahasa Korpus Ekolinguistik: Isu COVID-19

^{*1}Umaimah Kamarulzaman, ²Rozaimah Rashidin
³Zuraidah Jantan & ⁴Nurul Afnieza Md Zain

¹umaimah2038@uitm.edu.my, ²rozai451@uitm.edu.my,
³zuraidah0420@uitm.edu.my & ⁴afnieza8728@uitm.edu.my,

¹²³⁴Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa Universiti
 Teknologi MARA, Shah Alam Selangor

^{*1}Penulis Koresponden

Tarikh terima : 30 Mac 2025
 Received
 Terima untuk diterbitkan : 2 Mei 2025
 Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
 Published online

Abstrak

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan besar dalam landskap sosial dan budaya masyarakat global, termasuk di Malaysia. Kajian ini meneliti pengaruh pandemik terhadap penggunaan bahasa dan pemikiran komuniti luar bandar menerusi pendekatan ekolinguistik. Perubahan kepada masyarakat global ini turut memberi impak yang signifikan terutamanya dalam aspek bahasa dan budaya. Tumpuan diberikan kepada masyarakat di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah sebagai lokasi kajian lapangan. Satu pangkalan data korpus lisan dibangunkan berdasarkan 10 data temu bual yang dijalankan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Analisis korpus dilakukan menggunakan perisian Lancsbox 6.0 yang membolehkan pemerhatian terhadap pola bahasa seperti kekerapan leksikal, fungsi golongan kata, serta nilai leksis yang mencerminkan pemikiran positif, negatif dan neutral. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya perubahan dalam pola bahasa yang menggabungkan unsur bahasa, budaya, dan alam sekitar. Selain itu, landskap ekolinguistik masyarakat tempatan turut mengalami anjakan ketara, dipengaruhi oleh faktor ekologi semasa pandemik. Kajian ini memperlihatkan bagaimana interaksi antara bahasa dan persekitaran membentuk semula pemikiran serta gaya hidup masyarakat luar bandar dalam menghadapi krisis global.

Kata Kunci: pola bahasa, korpus ekolinguistik, luar bandar, COVID-19, Lancsbox 6.0

Linguistic Patterns in an Ecolinguistic Corpus: The COVID-19 Issue

Abstract

The COVID-19 pandemic has brought significant changes to the social and cultural landscape of global communities, including in Malaysia. This study examines the impact of the pandemic on language use and the thinking patterns of rural communities through an ecolinguistic lens. The global transformation has notably affected aspects of language and culture. The focus of this research is on the community in Pulau Tuba, Langkawi, Kedah, which serves as the fieldwork site. A spoken corpus database was developed based on ten interview sessions conducted during the Movement Control Order (MCO) period. Corpus analysis was carried out using the Lancsbox 6.0 software, allowing the examination of linguistic patterns such as word frequency, grammatical categories, and lexical values that reflect positive, negative, and neutral thought orientations. The findings reveal shifts in language patterns that integrate elements of language, culture, and the environment. Furthermore, the local ecolinguistic landscape has undergone significant changes, influenced by ecological factors during the

pandemic. This study illustrates how the interaction between language and environment reshapes the mindset and lifestyle of rural communities in navigating a global crisis.

Keywords: language patterns, ecolinguistic corpus, rural community, COVID-19, Lancsbox 6.0

1. Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang signifikan bukan sahaja terhadap aspek kesihatan, sosial dan ekonomi, malah turut mempengaruhi cara masyarakat berkomunikasi serta penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks. Kesan utama pandemik ini telah mencetuskan perubahan dalam pola komunikasi dan tingkah laku linguistik dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan menerusi pendekatan ekolinguistik bagi mengenal pasti serta menganalisis perubahan tersebut, di samping meneliti faktor-faktor berkaitan yang penting dalam memahami hubungan kompleks antara bahasa, budaya dan alam sekitar.

Menurut Isti'adah (2022), ekolinguistik menyumbangkan suatu perspektif baharu dalam kajian linguistik, khususnya dalam menelusuri bagaimana unsur persekitaran alam dan budaya membentuk pemikiran masyarakat yang dapat dikenal pasti menerusi ciri kebahasaan seperti leksikon dan struktur tatabahasa. Stibbe (2015), sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2023), menjelaskan bahawa ekolinguistik meneliti pola bahasa yang berpotensi mempengaruhi cara manusia memahami dan menanggapi alam sekitar. Dalam erti kata lain, ekolinguistik menelusuri bagaimana bahasa mencerminkan pandangan hidup (*worldview*) serta cara interaksi manusia dengan persekitaran fizikal (Fadzeli & Azhar, 2022).

Dalam konteks pengurusan krisis, pendekatan ekolinguistik dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan komunikasi linguistik dalam menyampaikan maklumat kritikal kepada masyarakat. Hal ini merangkumi penilaian terhadap kejelasan, kebolehaksesan, dan kesepaduan mesej yang disampaikan dalam wacana awam sepanjang tempoh krisis

1.1 Pola Bahasa dan Korpus Linguistik

Pola bahasa Melayu merujuk kepada corak atau struktur linguistik yang lazimnya wujud dalam penggunaan autentik bahasa Melayu, seperti yang direkodkan ke dalam teks-teks yang digunakan dalam konteks sebenar. Pola ini merangkumi aspek pemilihan leksikal, kekerapan penggunaan, variasi serta perubahan bentuk kata dan susunan ayat yang mencerminkan keteraturan dalam penggunaan sesuatu bahasa. Sebagai contoh, kecenderungan penggunaan kata kerja tertentu dapat dikenal pasti menerusi analisis pangkalan data korpus.

Sehubungan itu, kajian ini membuka satu dimensi baharu melalui pendekatan ekolinguistik yang meneliti penggunaan bahasa Melayu berdasarkan konteks sosial, geografi dan waktu. Pola bahasa dikenal pasti melalui penjaan konkordans yang diperolehi daripada korpus linguistik yang dibina khusus bagi kajian ini. Hasil analisis korpus bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam, malah membolehkan penjaan generalisasi yang bersandarkan bukti empirik serta pemahaman bahasa yang lebih sistematik dan terperinci.

1.2 Objektif Kajian

Analisis ekolinguistik berpotensi memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap penggunaan leksikal yang mencerminkan corak pemikiran penutur, sama ada dalam bentuk yang positif mahupun negatif. Dalam konteks pengurusan krisis, pendekatan ini juga menawarkan wacana baharu dalam menilai keberkesanan komunikasi linguistik dalam penyampaian maklumat penting kepada masyarakat. Penilaian ini melibatkan aspek kejelasan mesej, tahap kebolehaksesan maklumat serta tahap kesepaduan komunikasi merentas pelbagai peringkat pentadbiran dan organisasi berkaitan. Tuntasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti pola bahasa yang diperolehi daripada himpunan data korpus lisan

di kawasan kajian iaitu Pulau Tuba yang merupakan lokasi kajian terpilih berdasarkan Geran Lestari SDG.

Selaras dengan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti pola bahasa berdasarkan himpunan data korpus lisan yang dikumpulkan di kawasan kajian, iaitu Pulau Tuba, Langkawi. Lokasi ini telah dipilih berdasarkan keperluan penyelidikan di bawah Geran Lestari SDG. Kajian ini secara khusus menganalisis data temu bual berkaitan isu pandemik COVID-19 dan fenomena kemurungan dalam kalangan komuniti tempatan. Analisis berpandukan Model Bahasa dan Ekologi oleh Stibbe (2015), yang menekankan dua bentuk naratif utama: naratif penilaian dan naratif metafora. Fokus kajian ini diberikan kepada naratif penilaian, iaitu bagaimana wacana berkaitan COVID-19 dan kemurungan ditampilkan dalam bentuk representasi yang bersifat positif atau negatif berdasarkan maklum balas daripada temu bual yang dijalankan.

2. Sorotan Literatur

Mohammad Fadzeli Jaafar & Azhar Jaludin (2022) menyatakan bahawa kajian ekolinguistik telah banyak dilakukan dan meliputi pelbagai jenis wacana misalnya, wacana pengiklanan oleh Hogben (2008), wacana ekonomi oleh Stibbe (2005), wacana persekitaran oleh Alexander (2010), wacana ekopelancongan oleh Milstein (2011), wacana perubahan iklim oleh Doulton & Brown (2009) dan wacana komunikasi budaya oleh Kinefuchi (2018). Kajian ekolinguistik mula memberi perhatian tentang pendekatan yang sesuai digunakan untuk menganalisis wacana yang berkaitan dengan ekologi. Misalnya, Todd (2014) mendapati bahawa kaedah ekolinguistik yang sering digunakan untuk analisis ialah Analisis Wacana Kritis, Teori Metafora Konseptual dan Linguistik Fungsional. Ada pengkaji lain, misalnya Chen (2016) yang mencadangkan analisis kandungan sebagai pendekatan yang sesuai untuk wacana ekologi.

Nor Hashimah Jalaluddin (2023) turut menyatakan perubahan persekitaran global telah memberi impak pada bahasa dan budaya. Perubahan bukan terhad kepada iklim sahaja, malah turut mempengaruhi ekologi hunian bumi ini. Menariknya, perubahan ini turut mempengaruhi perubahan sosio-budaya penutur, pola bahasa dan cara berfikir. Beliau turut menyatakan bidang ekolinguistik ini masih kurang ditekuni mempunyai banyak ruang untuk diselidiki. Kajian bersifat multidisiplin ini boleh menjadi pemangkin kepada kajian tentang isu kemanusiaan melalui elemen tiga serangkai, iaitu bahasa, budaya dan persekitaran.

Selain itu juga, unsur metafora turut digunakan dalam bahasa dan wacana kerana metafora membentuk dan membantu kognisi dan pemahaman manusia untuk memahami sesuatu unsur yang abstrak, kompleks dan baharu, misalnya COVID-19 dan kemurungan. Metafora juga menggambarkan cara berfikir dan tahap kefahaman pengguna bahasa dalam memahami makna yang disampaikan untuk berkomunikasi walaupun ia bersifat implisit. Namun begitu, Nerlich dan Jaspal (2012) mendakwa bahawa memilih metafora yang salah dalam wacana boleh dikatakan menyumbang kepada kemusnahan dan mengancam spesies dan ekologi kerana menimbulkan ketidakfahaman dan kegagalan komunikasi. Dalam konteks ekolinguistik, metafora, secara ringkasnya, ialah cerita yang menggambarkan sesuatu seolah-olah ia adalah sesuatu yang lain. Metafora menyiratkan identiti antara perkara yang berbeza (Martin 2014), atau menggunakan satu konsep pengetahuan dan menerapkannya kepada konsep yang lain (Chilton dan Schäffner, 2011). Dengan kata lain, metafora menggunakan ranah daripada entiti kehidupan yang spesifik, konkrit dan boleh dibayangkan untuk menstrukturkan konsep kehidupan yang abstrak.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan perisian Lancsbox 6.0 untuk mengumpulkan data bahasa penduduk di Pulau Tuba Langkawi secara lisan yang kemudiannya dijadikan data korpus. Data tersebut dianalisis melalui perspektif korpus dan semantik bagi memperlihatkan peranan ilmu linguistik dalam bidang ekolinguistik. Himpunan data korpus lisan ini diperolehi melalui temu bual data primer yang dilakukan di Pulau Tuba pada bulan September 2022.

3.1 Borang Soal Selidik, Temu Bual dan Rakaman

Borang soal selidik dan temu bual dibangunkan berasaskan Beck Depression Inventory-Malay (Firdaus Mukhtar & Tian, 2008), yang telah disesuaikan bagi tujuan pengumpulan data berkaitan isu pandemik COVID-19 dan kesihatan mental. Selain itu, Borang Maklumat Peserta dan Borang Izin turut diedarkan dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Borang temu bual terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A – Data Demografi Responden (termasuk jantina, umur, pekerjaan, dan masalah kesihatan) dan Bahagian B – Soalan kajian yang berbentuk terbuka.

Pelaksanaan soal selidik dan temu bual dijalankan berdasarkan soalan-soalan yang disenaraikan dalam Jadual 1.0. Soalan temu bual tersebut difokuskan kepada tiga aspek utama, iaitu emosi, rutin dan aktiviti harian, serta perubahan fizikal yang dialami oleh responden sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan semasa pandemik COVID-19. Dalam pada itu, kaedah rakaman turut digunakan semasa sesi temu bual, menggunakan alat perakam untuk memastikan ketepatan dan keutuhan data yang dikumpulkan.

Jadual 1

Soalan Temu Bual

No. Soalan	Aspek
EMOSI	
1	Apakah perasaan tuan/puan semasa PKP?
2	Boleh ceritakan pengalaman sepanjang PKP?
3	Apa perasaan tuan/puan apabila kerajaan menetapkan PKP?
RUTIN & AKTIVITI HARIAN	
4	Adakah tuan/puan bekerja sepanjang PKP?
5	Jika ya, adakah tuan/puan bekerja seperti biasa?
6	Jika tidak, boleh terangkan apakah yang tuan/puan lakukan?
7	Adakah selera makan dan waktu tidur terganggu?
8	Adakah hobi tuan/puan boleh dilakukan seperti biasa?
9	Apakah aktiviti seharian tuan/puan semasa PKP?
PERUBAHAN FIZIKAL	
10	Apakah perubahan fizikal yang berlaku?
11	Apakah yang dilakukan oleh tuan/puan apabila perubahan tersebut berlaku?
12	Adakah anda rasa bertenaga?
13	Adakah anda mempunyai masalah berat badan?

3.2 Responden Kajian dan Persampelan

Responden dalam kajian ini merupakan penduduk asal di Pulau Tuba, Langkawi. Pemilihan dan persampelan responden dilakukan berdasarkan kaedah persampelan rantaian atau bola salji (*snowball sampling*). Melalui persampelan ini, prosedur pemilihan dilakukan dengan cara responden diminta mencadangkan subjek lain yang mempunyai ciri yang sama untuk kajian. Persampelan ini digunakan apabila pengkaji tidak dapat memperoleh senarai nama subjek atau jumlah populasi yang tepat (Chua Yan Piaw, 2021).

Subjek utama dalam kajian ini ialah ketua kampung Pulau Tuba. Kemudian, beliau telah mencadangkan beberapa subjek lain dalam populasi Pulau Tuba yang boleh ditemu bual sebagai responden. Kaedah ini berterusan sehingga pengkaji memperoleh bilangan responden yang

dikehendaki. Hasil dari pelaksanaan kaedah ini, seramai 10 orang penduduk kampung yang terdiri daripada lima orang wanita dan lima orang lelaki bersetuju menjadi responden.

3.3 Korpus Ekolinguistik Pulau Tuba

Korpus lisan Pulau Tuba adalah kumpulan data lisan yang direkodkan atau disimpan untuk tujuan analisis linguistik yang menghasilkan pola bahasa yang dapat memperlihatkan konsep berkaitan nilai budaya, ekosistem, pengalaman alam sekeliling serta pandangan dunia masyarakat yang tercermin dalam penggunaan bahasa mereka. Pengaplikasian kaedah korpus ini bagi membantu pengenalanpastian terhadap cara hidup serta alam sekeliling masyarakat di Pulau Tuba tersebut yang diperolehi melalui penggunaan bahasa semula jadi mereka ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Mempunyai saiz sebesar 9512 token, korpus lisan Pulau Tuba ini memperlihatkan kekerapan perkataan yang menarik kerana diperolehi daripada latar belakang responden yang pelbagai. Sebelum itu, satu ‘proses pembersihan data’ dilakukan secara teliti kerana korpus lisan ini mengandungi kepelbagaian data yang memerlukan pengemaskinian dalam ejaan dan juga tatabahasa. Proses ini adalah untuk memastikan keandalan dan kegunaan data dalam analisis linguistik yang mendalam dan tepat. Setiap perucapan para responden diteliti antaranya membuang gangguan suara latar, jeda yang tidak berkaitan, bunyi yang tidak jelas dan pemilihan leksikal dialek yang difahami. Dialek atau aksen yang berbeza akan ditranskripsi secara teliti untuk keseragaman data bagi memudahkan pemahaman makna ujaran yang disampaikan dan mengelakkan kesalahfahaman interpretasi.

Kajian ini memanfaatkan himpunan data korpus yang berbentuk digital menerusi perisian Lancsbox 6.0. Perisian ini membolehkan peneliti melakukan pelbagai jenis analisis korpus, seperti Key Word in Context (KWIC), Graphcoll, Ngrams, Wordlist, Text dan Wizard. Analisis KWIC membolehkan pengkaji melihat kata kunci dalam konteks yang digunakan dalam teks manakala Graphcoll dan Whelk membolehkan visualisasi jaringan kata-kata yang digunakan dalam korpus. Ngram pula membolehkan pengkaji menganalisis penggunaan sekumpulan kata yang bersebelahan dalam teks. Seterusnya Wordlist memaparkan frekuensi kata-kata dalam korpus, dan Text.

Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif melalui pendekatan linguistik korpus berdasarkan perisian Lancsbox 6.0 Tumpuan diteruskan untuk meneliti senarai kata kunci, kekerapan perkataan dan kolokasi yang mempunyai fungsi yang signifikan.

4. Analisis dan Perbincangan

Menerusi penggunaan analisis korpus linguistik, terdapat senarai kata kunci yang digunakan dalam sesi temu bual berdasarkan tahap kekerapan penggunaan para responden. Terdapat perkataan atau leksikal yang jelas menggambarkan unsur ekologi di Pulau Tuba digunakan oleh para responden. Keunikan yang terdapat di Pulau Tuba ini jelas telah mempengaruhi penduduk setempat berdasarkan penggunaan bahasa yang digunakan semasa proses temu bual dijalankan. Ini bertepatan dengan pendapat Stanlaw(2021) iaitu alam sekitar dan ekologi mempengaruhi bahasa dan wacana yang mengambil kira konteks ekologi fizikal dan sosial sesuatu kawasan.

Dalam penggunaan analisis korpus linguistik, senarai kata kunci yang digunakan dalam sesi temu bual dianalisis berdasarkan tahap kekerapan penggunaan oleh para responden. Terdapat leksikal tertentu yang dengan jelas mencerminkan unsur-unsur ekologi di Pulau Tuba, yang digunakan oleh responden sepanjang proses temu bual. Keunikan yang terdapat di Pulau Tuba telah mempengaruhi bahasa yang digunakan oleh penduduk setempat, yang dapat dilihat melalui pola bahasa yang muncul dalam perbualan. Hal ini seiring dengan pendapat Stanlaw (2021) yang menyatakan bahawa alam sekitar dan ekologi mempengaruhi bahasa dan wacana, dengan mengambil kira konteks ekologi fizikal dan sosial di sesuatu kawasan.

4.1 Analisis Kata Kunci

Melalui analisis kata kunci, proses pengenalanpastian leksikal asas dilakukan dan disenaraikan bagi memahami konteks komunikasi dalam kalangan penutur di Pulau Tuba tersebut. Leksikal-leksikal yang diperolehi dianalisis melalui perisian *Key Word in Context (KWIC)* dan *Words* (frekuensi kata). Penelitian konteks juga berdasarkan senarai konkordans yang dijana. Selain itu juga, pengkaji juga meneliti hubungan korelasi melalui konteks kata kunci dengan perkataan-perkataan yang lain.

Konsep analisis kata kunci yang difokuskan dalam kajian iaitu frekuensi kata dan hubungan kolokasi dalam setiap ujaran. Setelah frekuensi leksikal dinilai, setiap satu leksikal akan dianalisis berdasarkan hubungan kolokasi tersebut. Berikut merupakan antara dapatan leksikal yang telah diperolehi antaranya manifestasi kepada unsur alam seperti spesis ikan iaitu seperti selar, talang, kebasi, kerapi dan hidupan laut yang lain seperti udang dan sotong. Konteks in jelas menunjukkan di Pulau Tuba merupakan lokasi yang kaya dengan sumber makanan laut. Selain itu juga, kekerapan leksikal lain seperti kolam, nipah, musim bakau, skuba dan lain-lain lagi dapat merujuk kepada keadaan muka bumi di Pulau Tuba. Selain menjadi tarikan utama para pelancong, destinasi eko pelancongan yang terletak kira-kira lima kilometer di barat daya dari Jeti Kuah, Pulau Langkawi, Kedah ini memiliki seramai 2000 penduduk sahaja. Uniknnya, Pulau Tuba adalah pulau ketiga terbesar di Langkawi dan kebanyakan penduduk di sini bekerja sebagai nelayan dan petani, selain sebahagian kecil yang bekerja dalam industri pelancongan.

Keadaan muka bumi di Pulau Tuba yang dikelilingi bukit-bukau jenis batu kapur yang terbentuk lebih 350 juta tahun dahulu juga dapat diketahui melalui penceritaan oleh penduduk yang menyatakan tentang aktiviti mendaki (*hiking*) dan juga aktiviti laut. Terdapat juga beberapa pantai peranginan yang popular terdapat di sini antaranya pantai Tanjung Pandan yang terkenal dengan kejernihan airnya. Menariknya, Pulau Tuba ini juga mempunyai pesona tarikan yang tersendiri kerana terkenal dengan hidangan mee udang yang lazat serta pantai Bagan Asam yang dikelilingi hutan paya bakau dan formasi batuan batu kapur yang indah. Buktinya, berikut merupakan senarai kata kunci yang diperolehi daripada dapatan korpus Lisan Pulau Tuba.

Jadual 2

Senarai Kata Kunci

Kata	F	Kata	F	Kata	F
PKP	43	<i>pressure</i>	4	gua	1
kampung	41	kuarantin	4	mancing	1
rumah	39	ke laut	4	talang	1
makan	39	kolam	3	nipah	1
kerja	34	musim	3	darat	1
pulau	30	EPF	3	pampasan	1
ikan	27	stesen	3	subsidi	1
Tuba	22	<i>tension</i>	3	sotong	1
Langkawi	20	mahal	3	tempurung	1
nelayan	19	kerajaan	3	kebasi	1
laut	18	selat	3	titi	1
hotel	18	bandar	3	peraih	1
bot	18	<i>murung</i>	2	<i>depression</i>	1
COVID-19	16	penambang	2	nyior	1
sekolah	12	hujan	2	<i>seafood</i>	1
stress	11	pelancongan	2	selar	1
klinik	11	ekonomi	2	katak	1
udang	10	bakau	2	<i>snorkeling</i>	1
Kuah	10	pantai	2	bendang	1
bukit	8	resort	2	coklat	1
masin	8	alor	2	<i>diver</i>	1
pekan	8	cuaca	2	bandar	1
mee	8	<i>market</i>	2	angin	1

scuba	7	maritim	2	batu	1
tekanan	7	lubuk	2	kerapu	1
runcit	6	hutan	2		
jeti	5	mengail	2		
minyak	5	ombak	2		
pelancong	5	cempedak	2		
diving	4	simpang	2		

Nota: Senarai kata kunci berkaitan ekologi dalam temu bual di Pulau Tuba yang dijana menggunakan perisian Lancsbox 6.0

4.2 Analisis Ekolinguistik: Model Analisis Bahasa dan Ekologi

Analisis dalam kajian ini dilakukan berdasarkan perspektif ekolinguistik. Bidang ekolinguistik sebenarnya menganalisis (kandungan) bahasa untuk mendedahkan cerita, menilai cerita tersebut daripada perspektif ekologi, dan akhirnya menyumbang pencarian cerita baru dalam kehidupan kita (Mohammad Fadzeli Jaafar & Azhar Jaludin, 2022). Kajian ini menerapkan Model Analisis Ekolinguistik oleh Stibbe (2015), yang pada asasnya adalah kerangka kognitif yang menghubungkan idea tentang cerita ekologi di sekitar kita dengan wacana. Model analisis ekolinguistik ini mengandungi lapan bentuk naratif yang merangkumi aspek ideologi, ranah, metafora, identiti, penilaian, kesalahan, penghapusan dan kepentingan.

Mohammad Fadzeli Jaafar & Azhar Jaludin (2022) pula menjelaskan bahawa penilaian berkaitan dengan naratif baik atau buruk yang sedia dalam fikiran manusia, dan cara naratif itu dipersembahkan sama ada secara positif atau negatif. Naratif tersebut dinilai berdasarkan pola bahasa (*linguistic pattern*), iaitu sesuatu unsur bahasa (leksikal) positif atau negatif, yang digunakan secara konsisten dalam teks.

Pola leksikal menjadi tumpuan dalam kajian ekolinguistik kerana kuasa perkataan tersebut dapat mempengaruhi pemikiran manusia sama ada positif atau negatif. Pola leksikal tertentu dapat digambarkan melalui pelbagai penanda bahasa (*linguistic markers*) tertentu, misalnya takut, kecewa, bimbang atau penderitaan berfungsi untuk menggambarkan ekspresi yang negatif, sementara penyelesaian, meningkatkan, kesedaran adalah gambaran ekspresi yang positif. Hal ini boleh dikesan melalui penggunaan bahasa dalam wacana akhbar.

4.2.1 Naratif Penilaian

Bahagian ini seterusnya tertumpu kepada analisis temu bual terhadap isu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), COVID-19, kemurungan dan tekanan. Isu ini menjadi isu utama yang menjadi topik perbualan serta berdasarkan borang temu bual yang telah disediakan dan juga berdasarkan kekerapan senarai kata kunci dalam Jadual 2.

4.2.1.1 Naratif Penilaian: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Berikut merupakan contoh naratif penilaian yang diperolehi melalui temu bual masyarakat Pulau Tuba yang memfokuskan kepada perintah kawalan pergerakan semasa wabak COVID-19 melanda.

Jadual 3

Naratif Penilaian Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Indeks	Data Korpus
50	Memang banyak yang <u>tak boleh keluag</u> tapi <u>penduduk kampung buat macam business daripada rumah lepas</u> tu depa akan buat <u>cod</u> . Ada yang support daripada satu pulau ni. Kira macam ada khas <u>group untuk kampung, sama- sama support la business tu</u> . Jadi, <u>yang terjejas teruk tu tak dak la</u> .

177	Kalau macam dari segi orang, <u>PKP kan buat orang semua tak boleh pi kelaut semua kan.</u> Jadi, macam <u>kurang pendapatan.</u> Untuk <u>orang beli dekat kedai-kedai pun kurang.</u> <u>Terjejas banyak situ la.</u> Macam kat sini dulu pun ada mini market, tapi disebabkan PKP, <u>dia orang terpaksa tutup untuk gabungkan</u> dekat Agro Bazaar yang dekat pulau sana tu.
-----	--

Unsur ekologi telah mempengaruhi pemikiran penutur dan penilaian sama ada positif atau negatif terhadap sesuai isu. Data-data yang dijadikan contoh dalam penghuraian merupakan naratif berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sejak pandemik COVID-19 melanda dunia dan Malaysia khususnya, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia untuk mengekang penularan wabak penyakit tersebut antaranya dengan pelaksanaan beberapa peringkat fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tujuan kesihatan awam mulai 18 Mac 2020. Semasa PKP, tiada pergerakan dibenarkan sama sekali kecuali yang diberikan pelepasan seperti petugas barisan hadapan (pegawai kesihatan, polis, tentera, bomba dan lain-lain). PKP dilaksanakan secara menyeluruh sekiranya kes meningkat dengan mendadak dan penularan kes bertaburan dalam komuniti dengan meluas.

Terdapat responden telah menceritakan pengalaman masing-masing semasa PKP. Berdasarkan penggunaan frasa seperti **tak boleh keluar, ramai terjejas, kurang pendapatan, terjejas banyak, terpaksa tutup** dan **harga meningkat**, responden membuat penilaian bahawa PKP merupakan suatu perkara yang negatif. Ini kerana semasa PKP, pergerakan mereka adalah terhad dan satu norma baharu yang terpaksa dilaksanakan. PKP turut menjejaskan rutin harian seperti yang terjadi kepada para nelayan, mereka tidak boleh keluar ke laut untuk menangkap ikan dan tentunya perkara ini telah mengurangkan pendapatan mereka kerana aktiviti jual beli yang terbatas dan terdapat juga perniagaan yang terpaksa ditutup.

Namun begitu, dari segi sokongan pula, menunjukkan penceritaan yang positif kerana berdasarkan leksikal **support, COD (cash on delivery), business** dan **dana** membuktikan terdapat bantuan yang diberikan kepada mereka yang terjejas akibat PKP ini seperti bantuan kepada para peniaga dan golongan ibu tunggal. Sumber makanan juga tidak terputus kerana banyak bantuan telah disalurkan oleh pihak kerajaan kepada penduduk kampung.

Naratif Penilaian: COVID – 19

Berikut merupakan contoh naratif penilaian yang diperolehi melalui temu bual masyarakat Pulau Tuba yang memfokuskan kepada wabak COVID-19.

Jadual 4

Naratif Penilaian COVID – 19

Indeks	Data Korpus
47	Saya, mak ayah kena pantau, anak dua orang suami jaga dekat ghumah. Masa tu <u>orang kampung tak lalu depan rumah kita sebab masa tu masyarakat dok takut, lalu pun tak tengok langsung kat sini sebab terlampau takut.</u>
5	Ya sebabnya dok denga orang luar kena tau-tau orang kampung kita pulak kena tau pulak ketua kampung pulak kena. Saya pun masuk facebook kampung, <u>saya cerita semua benda.</u> Lepas tu anak saya telefon, <u>“mak, harini orang makan macam-macam, orang mai hantaq, dioarang sangkut kat motor”.</u> <u>Lepas cerita baru diaorang tak takut.</u> Lepas tu, kami pengangkutan pakai bot tambang. Jadi, dia merebak la. Kita tak tau benda tu jadi dia merebak rumah ni rumah tu sampai la 64 buah ghuma. Lepas tu JKM hantaq makanan macam tu saja la. Lepas tu ada dua tiga budak kampung jadi runner beli barang. Letak duit dalam bakoi, beli barang hantaq dari rumah ke rumah. <u>Dari segi makan tu kami tidak lah teruk sangat.</u> Lepas habih tu, kami kena 23 hari. Lepas balik hospital, depa mai buat swab test pula dekat rumah, tau-tau anak sulung saya pulak kena jadi kena sambung kuarantin lagi. <u>Mak tu sebab tak boleh pakai gelang sebab dah terlampau fobia. Makan dekat sini memang tak teruk sangat sebab JKM bantu.</u>

Naratif penilaian terhadap COVID-19 memperlihatkan penggunaan pola bahasa secara negatif dan juga positif. Penilaian negatif dikenal pasti berdasarkan terdapatnya penggunaan kata dan frasa seperti **takut, tak lalu depan rumah dan tak tengok langsung, terlampau fobia** serta **terlampau takut** yang dizahirkan di awal penceritaan dalam Data 47 sehingga Data 70. Responden telah dijangkiti COVID-19 dan keluarga ini merupakan keluarga pertama yang dijangkiti COVID-19 di Pulau Tuba pada waktu tersebut. Kemudian, setelah penutur memaklumkan kepada orang kampung melalui *Facebook*, keadaan berubah dan penduduk kampung tidak lagi mempunyai perasaan takut dan bimbang dengan jangkitan COVID-19 tersebut dan barulah bantuan makanan dan perhatian diberikan kepada keluarga ini.

Naratif penilaian yang membawa makna positif pula terdapat dalam Data 53 iaitu ditunjukkan melalui kata dan frasa seperti **makan macam-macam, orang mai hantaq** dan **JKM bantu**. Selain itu juga, faktor ekologi seperti perbezaan keadaan antara di pekan dan di kampung memberikan penilaian positif terhadap sumber makanan di pulau ini. Orang kampung mudah mendapatkan makanan di laut, ini terbukti jelas dalam frasa **cuba cari ikan**. Berlainan pula bagi mereka yang berada di pekan, sumber makanan agak terhad dan mereka gigih berusaha untuk mendapatkan bekalan makanan melalui frasa **tetap nak kena suap dekat mulut dan cari makan**.

4.2.1.3 Naratif Penilaian: Tekanan dan Kemurungan

Data 133 dan Data 233 berkisar tentang naratif penilaian terhadap tekanan dan kemurungan dalam kalangan masyarakat Pulau Tuba. Tekanan dan kemurungan jelas menunjukkan tidak ketara dan membimbangkan di Pulau Tuba dan ini memberikan satu petanda yang sangat positif. Melalui penceritaan para responden, data membuktikan yang masyarakat pulau ini dapat mengurangkan tekanan dan mengelakkan gejala kemurungan dengan memanfaatkan sumber ekologi yang ada di pulau tersebut. Bahasa berpola positif dalam Data 133 dapat dikenal pasti dengan jelas melalui frasa **murung tak dak dan sini dak (tidak ada)** berlakunya masalah tertekan atau murung. Ini kerana, mereka bertindak dengan, misalnya pergi ke tepi pantai, memancing dan mendapat ikan. Hal ini dapat menggembirakan dan mengurangkan tekanan perasaan. Selain itu juga, penduduk kampung yang tidak mempunyai tanggungan hutang yang tinggi dan ini tidak membebankan para responden sekaligus mereka memberikan penilaian yang positif.

Begitu juga dalam Data 233, penutur menyatakan COVID-19 tidak memberikan tekanan tetapi yang memberikan tekanan kepadanya ialah perempuan. Ini kerana penutur menganggap perempuan itu merumitkan berdasarkan ujaran, *“Abang ada mana? Satgi kita nak pi beli coklat, satgi kita nak pi shopping, satgi nak pi beli tu, beli ni. Dia lagi tekanan daripada COVID”*, ujar seorang responden lelaki.

Jadual 5

Naratif Penilaian

Indeks	Data Korpus
133	Kalau murung tu tak dak la. Tapi kalau dadah tu makin hari makin ada la. Dadah dekat mana- mana ada kan? Tapi kita heran masa PKP dadah tak stop pun kan. Tak naik harga pun. Sini dak. Habih kuat pun, pi tepi-tepi pantai beli tali pi mincing dapat ikan sekoq dua balik. Tapi kalau nak kata dalam pulau ni time PKP budak-budak kampung budak-budak murung memang tak dak la. Mungkin kami kampung kot. Kami orang kampung, hutang kami bil eletrik, bil api, bil ayaq. Mungkin yang tu kot. Tu orang kampung macam tak pa rilek. Budak-budak sekolah pun kalau kata PDPR tu setengah ibu bapak mampu setengah tak mampu.

Antara lain, kaedah temu bual dijalankan ini adalah untuk mengetahui tahap keadaan kesihatan mental, psikologi serta gaya hidup masyarakat di Pulau Tuba sepanjang proses PKP. Memandangkan kedudukan Pulau Tuba yang terpisah daripada tanah besar Langkawi yang boleh menyebabkan pelbagai kebimbangan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan juga pihak kerajaan.

Melalui ujaran lisan yang ditranskrip kepada data korpus, terdapat juga leksikal yang membawa konotasi negatif atau berkaitan dengan emosi yang terganggu antaranya ialah dalam bahasa Melayu seperti tertekan, murung dan tekanan manakala dalam bahasa Inggeris seperti *tension* dan *depression* yang ditemui. Walau bagaimanapun penggunaan leksikal tersebut tidak banyak dan ini tidak menyumbang kepada *pattern* atau gaya hidup penduduk tersebut.

4.2.1.4 Pekerjaan dan Aktiviti Penduduk

Melalui pembinaan data korpus lisan ini, memperlihatkan jenis pekerjaan dan aktiviti yang dilakukan oleh para penduduk berdasarkan penggunaan kata kerja. Penumpuan kepada kata kerja ini adalah bagi mengetahui rutin serta aktiviti penduduk kampung sepanjang tempoh PKP yang membuatkan mereka tidak mengalami tekanan dan juga kekal harmoni selain dapat meneruskan kehidupan mereka untuk mencari rezeki.

Antaranya pekerjaan yang terdapat di Pulau Tuba iaitu seperti **pekerja stesen minyak, peniaga kedai makan, kedai runcit, peniaga perkhidmatan sewa motor, pekerja pembersihan, peniaga kuih dan peniaga ikan masin** serta **nelayan**. Jenis-jenis pekerjaan ini disenaraikan dan seterusnya diteliti menerusi kolokasi perkataan kata kerja dengan leksikal yang mempunyai hubungkait untuk memahami makna seperti berikut:

Jadual 6

Kolokasi Kata Kerja

1096	Bagus la sebab lelaki perempuan turun ke laut .
1215	Bila buat cod tu ada la juga. Dalam kampung ja la. Haah sebelum ni pelancong. Tapi bila PKP memang fokus untuk nelayan saja dekat sini.
466	Kalau yang jenis suka naik bukit tu, ada tiga empat bukit boleh hiking . Kalau yang jenis suka mancing tu, merata jeti duduk . Kalau nak tenang ronda-ronda bawak anak pusing kampung tu, ha tang ni la. Macam PKP kedua tu kan dah boleh jalan sikit dah kan? Ramai la orang mai Tuba. Tak payah pakai mask.

Penduduk yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan akan turun ke laut untuk mendapatkan hasil laut. Manakala sebahagian yang lain melakukan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan bagi menampung keperluan asas mereka sehari-hari.

5. Kesimpulan

Jelas bahawa, analisis menunjukkan adanya pengaruh unsur ekologi dan persekitaran fizikal serta sosial dalam temu bual yang telah dijalankan berdasarkan bukti linguistik yang diperolehi. Analisis ekolinguistik adalah bermanfaat kerana dapat memperlihatkan penggunaan leksikal tertentu, yang dapat menggambarkan pemikiran yang positif atau negatif. Ia boleh mempengaruhi perlakuan manusia untuk mewujudkan suasana persekitaran yang lebih baik dan bertindak dengan bijak dan berpada demi kelangsungan hidup.

Penduduk Pulau Tuba yang telah ditemu bual lebih dominan menggunakan naratif penilaian positif kerana mereka mampu menghadapi cabaran dan dugaan PKP dan COVID-19 serta tidak menjejaskan kesihatan mental mereka. Faktor utama adalah kerana ekologi yang terdapat di pulau ini yang sangat membantu penduduk di Pulau Tuba menjalani kehidupan yang aman dan sejahtera. Misalnya, mereka yang terjejas dengan sumber pendapatan atau diberhentikan kerja, boleh memilih untuk menjadi nelayan atau membuat aktiviti memancing di laut untuk mendapatkan sumber makanan. Keindahan dan keharmonian pulau ini turut menjadi pemangkin kepada kestabilan kesihatan mental para penduduk.

Secara keseluruhan, kajian ekolinguistik di Malaysia dalam konteks COVID-19 tidak hanya memberikan wawasan tentang perubahan dalam penggunaan bahasa dan budaya komunikasi, tetapi juga

membantu dalam membangunkan strategi komunikasi yang lebih berkesan dalam menghadapi krisis dan dalam mempromosikan kesedaran awam serta kesihatan masyarakat secara umum.

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA yang telah membiayai penyelidikan ini, melalui Geran LESTARI SDG (600-RMC/LESTARI SDG-T 5/3 (018/2021).

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam kerana memberi peluang untuk perkongsian ilmu ini.

Rujukan

- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Blackwell Publishing.
- Chilton, P., & Schäffner, C. (2011). Discourse and politics. In *Discourse studies: A multidisciplinary introduction* (pp. 159-178). Sage.
- COVID-19 beri impak kesihatan mental - Dr Noor Hisham. (2021, September 10). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862185/covid-19-beri-impak-kesihatan-mental-dr-noor-hisham>
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Firdaus, M., & Oei, T. P. S. (2008). Exploratory and confirmatory factor validation and psychometric properties of Beck Depression for Malays (BDI-Malay) in Malaysia. *Malaysian Journal of Psychiatry E-Journal*, 17(1), 1-10.
- Garis Panduan, Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM. (2021). *Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor*. <https://rmc.uitm.edu.my/images/Download/Guidelines/G.Dalaman/LESTARI/GP-Lestari-SDGTriangle.pdf>
- Kamus Dewan Perdana. (2020). *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kemurungan, kegelisahan meningkat akibat COVID-19. (2021, Oktober 9). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2021/10/874123/kemurungan-kegelisahan-meningkat-akibat-covid-19>
- Kövecses, Z. (2010). *Metaphor: A practical introduction* (2nd ed.). Oxford University Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. University of Chicago Press.
- Lakoff, G. (1993). The contemporary theory of metaphors. In A. Ortony (Ed.), *Metaphor and thought* (2nd ed., pp. 202-251). Cambridge University Press.
- Martin, J. (2014). *Politics and rhetoric: A critical introduction*. Routledge.
- Mohammad Fadzeli, J., & Azhar, J. (2022). Analisis wacana persekitaran dari perspektif ekolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 1-9. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/248/178>
- Nerlich, B., & Jaspal, R. (2012). Metaphors we die by? Geoengineering, metaphors, and the argument from catastrophe. *Metaphor and Symbol*, 27(2), 131-147. <https://doi.org/10.1080/10926488.2012.678698>
- Nor Hashimah, J. (2023). Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 1-21. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.1>
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiuairah Mohamad, & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113-146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)](https://doi.org/10.37052/jb23(1))
- Rozaimah Rashidin. (2022). Metafora konseptual COVID-19. In N. Hashimah Jalaluddin (Ed.), *Pragmatik, teori dan praktis* (pp. 231-246). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stanlaw, J. (2021). *The International Encyclopedia of Linguistic Anthropology*. John Wiley & Sons, Inc. <https://doi.org/10.1002/9781118786093.iela0110>
- Stibbe, A. (2015). *Ecological linguistics: Language, ecology and the stories we live by*. Routledge.
- Stöver, H. (2010). *Metaphor and relevance theory: A new hybrid model* [Doctoral dissertation, University of Bedfordshire].
- Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. Palgrave Macmillan.
- Taufiq Yap Yun Hin. (2020, Mei 18). Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842582>

Biodata Penulis:

Umaimah Kamarulzaman ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Korpus Linguistik, Semantik, Bahasa Melayu kepada Pelajar Asing dan Bahasa Melayu Pengurusan Pejabat.

Rozaimah Rashidin (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Semantik, Pragmatik, Semiotik dan Korpus Linguistik. .

Zuraidah Jantan merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonologi dan analisis wacana.

Nurul Afnieza Md Zain ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonologi, tatabahasa Melayu serta protokol dan etika sosial.